

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

22 February 2016



TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH yang juga Canselor Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom berkenan meletakkan anak pokok bersama Mohd. Khamil Jamil (dua dari kanan) sebagai tanda perasmian Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom sambil disaksikan Najib Tun Razak dan Rosmah Mansor semasa majlis perasmian universiti berkenaan di Pekan, Pahang, semalam. -UTUSAN/MAHATHIR ALI

Perdana Menteri menghargai inisiatif penubuhan Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom

Pelengkap industri automotif

UM-22/2/2016

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
dan MOHAMAD SHOFI MAT ISA
pengarang@utusan.com.my

■ PEKAN 21 FEB.

INISIATIF Kumpulan DRB-Hicom yang menyediakan dana besar berjumlah RM500 juta bagi mewujudkan sebuah universiti di daerah ini dilihat menjadi pelengkap kepada bidang pendidikan dan memenuhi keperluan industri automotif di dalam serta luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, inisiatif syarikat berkenaan memiliki universiti pertama seumpamanya di rantau ASEAN dengan dana besar wajar dipuji kerana kebiasaannya syarikat swasta mengharapkan

kerajaan untuk menyediakan keperluan sedemikian.

Menurutnya, beliau berbangga apabila ada sebuah syarikat swasta yang sanggup melabur dana besar bagi menjana keperluan tenaga mahir untuk keperluan syarikatnya dan industri automotif dalam dan luar negara kerana agak kurang syarikat swasta sanggup berbuat demikian.

"Biasanya mereka menyerahkan tanggungjawab itu kepada kerajaan untuk menyediakan kursus dan mewujudkan institusi berkenaan. Justeru langkah universiti melaburkan RM350 juta untuk mewujudkan universiti ini adalah satu langkah amat disanjung.

"Saya difahamkan, ada fasa kedua iaitu menambah kemudahan-kemudahan untuk menjadikan universiti

ini sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan fakulti tambahan membabitkan dana sebanyak RM150 juta. Cuba bayangkan ada syarikat swasta sanggup membelanjakan RM500 juta," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom yang disempurnakan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom Bhd., Tan Sri Mohd. Khamil Jamil.

Najib berkata, penubuhan universiti tersebut juga dianggap tepat

pada masanya dan membanggakan penduduk di negeri ini dan Pekan khususnya yang kini mempunyai dua buah universiti di daerah ini selain Universiti Malaysia Pahang (UMP).

"Bermula dengan Kolej Antarabangsa Automotif Malaysia (ICAM) sejak lima setengah tahun lalu, kini berkembang maju menjadi institusi pendidikan berkuiliti tinggi.

"Institusi ini berjaya dinaik taraf kepada sebuah universiti penuh pada Oktober tahun lalu dengan menawarkan program ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan peringkat doktor falsafah," katanya.

Menurut beliau, kakitangan universiti dan pihak pengurusan-nya bekerja keras untuk mencapai kejayaan itu dengan memenuhi semua syarat yang ditetapkan Ke-

menterian Pendidikan Tinggi sehingga ICAM berjaya menjadi sebuah universiti seperti hari ini.

"Kita juga meminta supaya pihak pengurusan universiti ini sentiasa menjamin kualiti sama ada pelajarannya, kandungan silibus, pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan R&D nya.

"Perkara ini tidak boleh dikompromi. Ia perlu sentiasa dijaga dan diberi perhatian jika mahu pastikan universiti ini berjaya mencapai apa yang disasarkan pada masa akan datang," katanya.

Perdana Menteri dalam pada itu berkata, perasmian universiti tersebut begitu bermakna kepada dirinya selaku Ahli Parlimen Pekan kerana hari ini genap 40 tahun beliau melibatkan diri dalam politik.